# NOTIS MAKLUMAN

## PELAKSANAAN TEMPOH SAH LAKU (*AVAILABILITY PERIOD*) KELULUSAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA

Dimaklumkan LPPSA akan mula melaksanakan tempoh sah laku *(Availability Period)* ke atas semua pembiayaan perumahan LPPSA yang diluluskan bermula 1 Disember 2023.

Tempoh sah laku adalah tempoh selama 24 bulan di mana kelulusan pembiayaan LPPSA masih berkuat kuasa bagi dokumentasi perundangan disempurnakan dan ditandatangani serta memastikan bayaran pertama wang pembiayaan dikeluarkan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh LPPSA. Sekiranya tiada, kelulusan pembiayaan terbatal secara automatik tanpa sebarang notis dan tidak akan dikuat kuasakan.

Peguam dan pelanggan adalah dinasihatkan untuk mematuhi tempoh sah laku tersebut bagi memastikan tiada kelewatan bagi urusan dokumentasi dan pengeluaran bayaran untuk pembiayaan yang telah diluluskan.

Sebarang pertanyaan lanjut, pelanggan boleh menggunakan Live Chat melalui aplikasi LiA Chatbot di Laman Sesawang Rasmi LPPSA atau menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di https://etiket.lppsa.gov.my/.

**21 NOVEMBER 2023**